

**PERKIM, Mufti Kelantan sokong tarik status PR pemilik resort 'surau meditasi Buddha'**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 19 , 2013**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) menyokong tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menarik semula taraf permastautin tetap (PR) warga Singapura, Syed Ahmed Salim Alkaff, 45, secara serta merta kerana membenarkan penganut Buddha melakukan meditasi di surau resort miliknya.

Naib Yang Dipertua PERKIM, Datuk Nakhaie Ahmad menyarankan kerajaan mengharamkan pemilik resort di Sedili Besar, Kota Tinggi itu ke negara ini sebagai pengajaran terhadap tindakannya.

"Isu membabitkan keselamatan negara perlu ditangani lebih awal dan jangan biarkan mana-mana pihak cuba memperkotak-katikkan serta mempersoalkan asas kenegaraan terutama dalam isu agama rasmi negara dan hak Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama.

"Ketegasan itu wajib untuk pemerintah menjaga keselamatan dan keharmonian negara," katanya dipetik dari akhbar Berita Harian.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad turut menyokong tindakan keras KDN itu.

Menurutnya, sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, manakala agama lain boleh diamalkan secara aman, tindakan berkenaan wajar diambil untuk memberi pengajaran.

Sabtu lalu, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengatakan kerajaan sudah menarik semula status PR pemilik resort Tanjung Sutera Beach Resort semasa beliau ditahan reman selama empat hari baru-baru ini.

Menurut Menteri Dalam Negeri itu, Putrajaya berhak menarik balik status PR mana-mana individu sekiranya bertindak menyentuh sensitiviti agama seperti pemilik resort surau'meditasi' Buddha di Johor itu.

Ahmad Zahid berkata, tindakan itu diambil berlandaskan undang-undang dan atas kuasa Kementerian Dalam Negeri, serta tidak akan mengeruhkan hubungan dua hala dengan negara jiran Singapura.

Pemilik resort terbabit kini disiasat mengikut Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan.

Beliau boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika disabit kesalahan.

Di samping itu, Sultan Johor Sultan Ibrahim juga mengarahkan surau itu dirobohkan sebaik siasatan selesai dijalankan.

Sebuah video yang dimuat naik di laman YouTube pada 10 Ogos lalu menunjukkan sekumpulan sami dalam sebuah bangunan kecil melakukan meditasi di hadapan potret

Buddha.

Video sepanjang 63 saat itu bertajuk "Cina Buddha sembahyang di surau; surau jadi tokong" dimuat naik oleh "Sebastianphiu" dan ditonton lebih 10,000 kali.

Lokasi kawasan surau turut dinyatakan dalam video berkenaan iaitu di Sedili Besar, Kota Tinggi, Johor.

Pengurus resort itu mempertahankan keputusannya memberi kebenaran kepada penganut Buddha menggunakan surau.

Katanya, surau berkenaan hanya digunakan untuk bermeditasi dan tidak menganggap perkara itu sebagai satu kesalahan. – 19 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perkim-mufti-kelantan-sokong-tarik-st-atus-pr-pemilik-resort-surau-meditasi>